

Mahathir menyingkap punca kelemahan ummah

13 NOV 1992

Oleh A Nazri Abdullah

"HANYA negara Islam yang kuat, mempunyai penduduk Islam yang berkebolehan dalam pelbagai bidang, yang boleh menolong mempertahankan agama dan umat Islam. Insha-Allah. Malaysia akan memenuhi hasrat ini walaupun ada orang Islam di negara ini yang cuba menggagalkannya."

Kata-kata ini terbit daripada mulut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada pagi Jumaat 6 November, 1992.

Bagi mereka yang mengenali perjuangan beliau, kata-kata ini adalah curahan rasa, tekad, harapan dan iltizam Dr Mahathir terhadap Islam.

Kita belum mendengar kata-kata seperti ini diucapkan oleh mana-mana pemimpin Pas. Apa yang sering kita dengar ialah tuduhan dan kecaman yang dilemparkan kepada kerajaan. Pemimpin Pas lebih gemar bercakap soal hukum, seolah-olah menghukum orang adalah keutamaan dalam perjuangan Islam.

Dr Mahathir tidak suka dipuji, tetapi hakikatnya beliau lebih banyak melaksanakan program Islam daripada pemimpin dan tok guru yang mendakwa memperjuangkan Islam.

Selain daripada Universiti Islam, Bank Islam, institut-institut pemikiran dan kajian Islam, pada zaman beliau jugalah lahirnya ramai pemikir Islam dan profesional Islam dalam pelbagai bidang. Jurutera, peguam, akauntan dan sebagainya dalam agensi kerajaan dan bukan kerajaan tidak segan silu lagi membicarakan tajuk-tajuk Islam.

Pada zaman beliau jugalah terbitnya bermacam buku Islam dan terjemahan buku-buku pemikir agung Islam ke Bahasa Melayu. Bandingkan berapa banyakkah simposium, seminar dan pertemuhan intelektual Islam yang diadakan pada zaman beliau dengan zaman sebelum beliau.

Pendek kata, di zaman Dr Mahathir Islam muncul sebagai agenda nasional, dan tidak lagi sekadar menjadi label kosong untuk pengucapan popular. Cuma, Dr Mahathir tidak mengkompaangkan program Islam seperti yang dilakukan pemimpin-pemimpin Pas. Bunyi saja kuat, tetapi di dalamnya kosong.

Malaysia sudahpun membuktikan bahawa negara Islam yang kuat sahaja, yang mampu menolong mempertahankan

agama dan umat Islam. Kekuatan dan kemajuan ekonomi Malaysia membolehkan rakyat dan kerajaan menghulurkan bantuan kepada negara dan masyarakat Islam yang ditimpa bencana alam ataupun menderita kerana angkara manusia.

Sehingga ini sudah berpuh-puluh juta ringgit bantuan dihulurkan oleh rakyat dan kerajaan Malaysia kepada mangsa banjir di Bangladesh, mangsa kemarau di Somalia, Sudan, Mali dan sebagainya. Pelarian Palestin, Afghanistan, Rohingya dan Bosnia-Herzegovina tidak ketinggalan.

Kalau dijumlahkan semua kutipan derma rakyat Malaysia untuk mangsa-mangsa pelarian ini, barangkali sudah mencecah puluhan juta.

Ini semua dimungkinkan oleh kemajuan yang dinikmati umat Islam di negara ini. Kalau umat Islam di Malaysia hidup melarat dan mementingkan hidup di akhirat sahaja, mustahil mereka dapat menyumbangkan bantuan sedemikian besar.

Mereka bukan saja tidak boleh membantu umat Islam lain, malah orang bukan Islam juga tidak menghormati me-

Bukan tujuan kita untuk memperbesar-kan kejayaan umat Islam di Malaysia. Tetapi inilah hakikatnya jika dibandingkan dengan umat Islam di negara lain. Pakistan dan Sudan, dua negara Islam yang melaksanakan undang-undang Islam, masih lagi mengemukakan bantuan asing untuk membangunkan masyarakat mereka.

Cuba kita tanya apakah sumbangan dapat diberikan kepada mangsa kekejaman puak Serb di Bosnia dan Rohingya di Myanmar? Mereka tidak mampu berbuat apa-apa melainkan sekadar meluahkan rasa kesal dan mengutuk perbuatan kejam.

Air liur dan lidah sahaja tidak mencukupi. Umat Islam memerlukan kekuatan ekonomi, ilmu dan teknologi sekiranya mereka mahu dihormati oleh bangsa lain.

Kita tahu kemunculan Islam sebagai tamadun yang gemilang hingga berjaya menaiki hampir satu pertiga dunia adalah bermula dengan perkembangan ilmu.

Umat Islam pada zaman kegemilangan Baghdad, Cordova dan Toledo menggunakan ilmu yang diwahyukan untuk me-

ningkatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D). Fikiran mereka tidak tertutup, sebaliknya terbuka luas kepada pelbagai ilmu dari luar dunia Islam.

Karya-karya Plato, Socrates dan sebagainya dari tamadun Greek dikaji, dianalisis dan dibahas. Yang baik diterima dan yang buruk ditolak. Hasil kegigihan ini akhirnya umat Islam berjaya muncul sebagai pemikir agung

dunia dalam pelbagai bidang — perubatan, astronomi, pelayaran, matematik, fizik dan sebagainya.

Kita diberitahu betapa perawi hadis seperti Abu Muslim terpaksa merantau ke seluruh pelosok tanah Arab mengkaji kesahihan sesebuah hadis. Malangnya kita cuma berpegang kepada hadis yang dirawinya tetapi kita langsung tidak mengambil iktibar daripada kegigihan dan ketekunan beliau membuat kajian dan penyelidikan.

Inilah kelemahan umat Islam hari ini. Keindnan mengejar ilmu dan mencipta tamadun seolah-olah mati selepas mereka dikalahkan dalam peperangan salib.

Apa yang berlaku sekarang ialah perpecahan umat Islam yang semakin dahsyat. Sudahlah Islam berpecah kepada empat mazhab, dalam mazhab-mazhab itu pula terdapat pecahan dan puak-puak yang mengikut pemimpin dan guru masing-masing.

Malangnya puak-puak ini bukanlah bersaing untuk memperkuat ummah bagi menghadapi gelombang perang salib yang belum tamat, sebaliknya berlumba memencilkan diri daripada realiti kehidupan di dunia.

Di Malaysia, perpecahan di antara Umno dan Pas berlangsung lebih 40 tahun. Di kala tertentu, perpecahan ini begitu sengit sehingga pengikut Umno dituduh kafir dan sebagainya.

Suasana aman cuma wujud ketika Pas menyertai Barisan Nasional dan beberapa pemimpinnya dilantik menjadi menteri serta timbalan menteri Kerajaan Persekutuan.

Bagaimanapun, selepas Pas keluar Barisan Nasional dan pucuk pimpinannya diterajui pemimpin muda, perpecahan kembali berlaku. Hampir semua rancangan Umno untuk meningkatkan martabat bangsa Melayu dan agama Islam tidak disokong oleh Pas, sebaliknya mereka mencari-cari ruang untuk memperkecil-kecilkannya.

Kita yakin di hati kecil pemimpin-pemimpin Pas, mereka menyanjung proses Islamisasi yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir tetapi enggan menyokongnya secara terbuka, kerana bimbang kehilangan pengaruh.

Begitulah apabila zakat hendak diinstitusikan supaya lebih teratur dan memanfaatkan orang Islam, Pas masih mencari-cari ruang untuk menentanginya.

Sebagai parti yang kononnya memperjuangkan Islam, Pas sepatutnya menyokong usaha ini kerana zakat wajib dibayar oleh semua umat Islam

apabila cukup syaratnya.

Bagaimanapun, kerana usaha ini datangnya daripada Umno, Pas terpaksa menentangnya. Demikianlah apabila umat Islam berpecah dan taksub dengan pemimpin tertentu sahaja, fikiran mereka akan tertutup daripada perubahan dan pembaharuan yang dibawa oleh orang lain, walaupun ia baik untuk mereka.

Kita mengakui Pas mempunyai fungsinya dalam politik kebangsaan Malaysia, tetapi fungsi itu tidak digunakan untuk membangun dan menyatukan ummah.

Dengan menggantikan Wawasan 2020 dengan Wawasan Akhirat dan memperkecilkan proses Islamisasi yang dipelopori Umno, Pas sebenarnya membawa pengikutnya undur ke belakang.

Pas seolah-olah takut melaksanakan program pembangunan ekonomi dan mental bagi pengikutnya kerana ini boleh membuka fikiran mereka kepada realiti sejagat.

Sebaliknya, dengan bersandarkan kepada kudrat dan takdir, Pas berjaya mententeramkan perasaan pengikutnya. Walaupun kebakaran Sekolah Agama Rakyat Taufiqiyah di Kedah pada 1988 yang mengorbankan 27 pelajar berpunca daripada kecuaiannya manusia, tidak ada pemimpin Pas yang berani menegur kesilapan pihak sekolah, sebaliknya meletakkan segala-galanya kepada takdir.

Jika inilah keadaannya apakah ahli Pas juga meneiima bahawa nasib umat Islam yang mati kelaparan, yang dihina, ditindas, diusir daripada kampung halaman dan dibunuh seperti haiwan adalah takdir Allah?

Tok-tok guru sering menceritakan kepada pengikutnya bahawa Nabi Allah Adam diperintah oleh Allah turun ke bumi sebagai khalifah. Allah membekalkan Nabi Adam dengan ilmu (fikiran) supaya baginda dapat memanfaatkan apa yang ada di atas bumi.

Allah menjadikan tumbuhan, haiwan di laut dan darat untuk faedah manusia. Bagaimanakah hendak dimanfaatkan segala ciptaan Allah ini, teresahlah kepada manusia.

Cara bagaimana manusia memanfaatkan ciptaan Allah inilah yang dimaksudkan dengan teknologi. Manusia menggunakan fikiran untuk menebang pokok, diproses menjadi papan membuat rumah, sampan, kayu api dan sebagainya. Teknologi berkembang mengikut kemampuan manusia berfikir dan keejgihan mereka berusaha.

Sama ada Islam atau bukan Islam, sesiapa yang

rajin berfikir dan kuat berusaha pasti akan mencapai kemajuan.

Sebab itulah kalau kita pergi ke Kuala Selangor, Kedah atau Kelantan kita akan bertemu dengan petani padi berbangsa Cina yang hasil padinya lebih banyak daripada petani Islam yang membayar zakat, walaupun mereka mengusahakan sawah yang sama luas.

Kalau dilihat di segi berkat, petani Cina tidak membayar zakat, dan mereka tidak mendapat berkat dan sepatutnya padi dimakan tikus. Tetapi Allah adil untuk semua makhluk-Nya. Sesiapa berusaha pasti berjaya.

Kemunduran umat Islam hari ini bukanlah kerana takdir tetapi sikap umat Islam sendiri. Sikap berpuak-puak dan bermusuhan sesama sendiri, sikap mengutamakan akhirat daripada dunia, jumud dan suka mengasingkan diri daripada perkembangan ilmu adalah punca kelemahan Islam.

Dengan mementingkan akhirat, bermakna Pas memisahkan Islam daripada tamadun. Anehnya mereka sering berkata politik dan Islam tidak boleh dipisahkan, sedangkan politik adalah saluran untuk mencipta tamadun.

Kita berharap Pas tidak akan melihat iltizam Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia negara Islam yang kuat dan maju sebagai propaganda politik. Walaupun Umno tidak mencanangkan label Islam, usahanya memajukan ekonomi umat Islam dibuat seiring dengan langkah meningkatkan akidah dan kefahaman Islam.

Inilah kelebihan dan kekuatan orang Melayu, kerana walaupun mereka maju di segi kehidupan di dunia, kefahaman Islam mereka juga turut bertambah kental.

Kita tidak mengharapkan Pas melaksanakan program-program Islam secara komprehensif kerana mereka mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan. Kita juga faham kenapa Pas tidak boleh membuat sokongan terbuka terhadap program Islamisasi Dr Mahathir.

Bagaimanapun, sekurang-kurangnya kita mengharapkan Pas tidak terus menghasut orang Melayu supaya menumpu kepada kehidupan selepas mati sahaja.

Pas sepatutnya menggunakan sokongan dan pengaruh yang ada untuk memupuk semangat pengikutnya mengejar ilmu dan meningkatkan ekonomi. Dengan ketaksuban pengikut Pas yang sedemikian rupa, kita yakin dalam masa yang singkat Pas mampu melahirkan cerdik pandai yang berwibawa, usahawan dan ahli perniagaan yang berjaya, amanah dan bertanggungjawab.

Tanpa program yang boleh meningkatkan ilmu, ekonomi dan maruah umat Islam, Pas tidak boleh mendakwa memperjuangkan Islam.

Ucapan Dr Mahathir memaparkan asas sebenar pembangunan ummah. Islam adalah asasnya kerana di dalamnya terkandung ajaran dan pedoman yang bakal melahirkan insan yang seimbang. Islam mementingkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Malangnya tidak semua perwakilan yang dapat melihat Islam sebagai penggerak peradaban manusia, mungkin kerana mereka lebih tertarik kepada kontrak dan saham.

Dr Mahathir akan terus melaksanakan hajatnya walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan. Beliau tidak takut mempertahankan pendiriannya kerana beliau sedar dan faham apa yang dilakukannya.

Berucap menggulung perbincangan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, Dr Mahathir berkata: "...kalau sesiapa yang menyentuh negara ini, atau bangsa Melayu atau pun agama Islam, bila-bila masa saya boleh pertahankan."